

Kemiskinan bukan alasan tidak hantar anak ke sekolah

KEPALA BATAS 4 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak mahu mana-mana pihak memberi alasan kemiskinan sebagai faktor mereka tidak mampu menghantar anak ke sekolah.

Tegas Perdana Menteri, ini kerana jika terdapat golongan miskin atau kurang upaya, kerajaan sedia memberi bantuan supaya anak mereka dapat bersekolah dan menerima pendidikan yang amat penting bagi masa depan.

Katanya, kerajaan akan memastikan setiap rakyat menerima pendidikan dengan menyediakan segala bantuan yang diperlukan.

"Kita tidak mahu berlaku dalam negara ini ada sesiapa mengatakan dia miskin, maka anaknya tidak boleh pergi sekolah.

"Jangan kata begitu, anak dia boleh pergi ke sekolah dan kita akan pastikan, ini yang kita hendak laksanakan supaya anak-anak kita dapat pergi sekolah, belajar dan terima apa jua bantuan dari segi pendidikan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis perasmian Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dari pelancaran sisipan akhbar *Utusan Melayu Mingguan* di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, pendidikan amat penting dalam pembangunan negara dan kerajaan menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) menekankan pentingnya pembangunan modal insan untuk menjadikan

Malaysia negara maju.

Justeru, katanya, menjadi tanggungjawab utama kerajaan menyediakan peluang pendidikan secara meluas dari peringkat bawah hingga ke Universiti supaya tidak ada pihak kecewa atau gagal menikmati peluang pendidikan bermutu tinggi.

Beliau memberi contoh bagaimana UMNO Kepala Batas sentiasa memberi perhatian terhadap program berkaitan pendidikan seperti kaunseling serta menggalakkan amalan membaca di kalangan penduduk

Katanya, untuk menjadi sebuah bangsa maju, rakyat perlu menjadikan membaca sebagai satu amalan bagi memastikan dasar Pembelajaran Sepanjang Hayat yang didukung kerajaan menjadi kenyataan.

"Amalan membaca tidak seharusnya berhenti apabila tamat sekolah atau universiti. Ini kerana ilmu dipelajari hanya sampai waktu itu sahaja dan tidak bertambah sedangkan alam pekerjaan sentiasa berkembang," jelasnya.

Lebih-lebih lagi, katanya, bagi golongan yang telah lama menamatkan persekolahan, perlu banyak membaca dan mempelajari teknologi terkini seperti komputer yang penggunaannya amat meluas.

Oleh itu Perdana Menteri mahu setiap ibu bapa mendidik anak-anak sejak kecil supaya 'berkawan' dengan buku kerana selain meningkatkan ilmu pengetahuan, amalan membaca juga membantu mereka mengisi masa lapang dengan kegiatan berfaedah.